


Matrix Concepts dapat kelulusan pemegang saham beli tanah RM460 juta

PETALING JAYA: Matrix Concepts Berhad telah menerima persetujuan daripada pemegang saham untuk cadangan pengambilalian tanah baharu di Negeri Sembilan dan usaha sama membangunkan tanah itu, bersama-sama pemberian bantuan kewangan.

Pemaju harta tanah itu berkata, ia memperoleh kelulusan pemegang saham dalam mesyuarat agung tahunan pada Rabu untuk anak syarikatnya, N9 Matrix Development Sdn. Bhd. memperoleh kawasan seluas 1,382 ekar di koridor pembangunan Lembah Wawasan Malaysia 2.0 dengan harga RM460 juta.

Pemerolehan itu akan diperoleh secara tunai, dan dibayai melalui dana dan pinjaman yang dijana secara dalaman.

Pemegang saham turut ber-setuju untuk membangunkan tanah yang diambil alih menjadi



**MOHAMAD HASLAH
MOHAMAD AMIN**

perbandaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM7 bilion, dengan kerjasama cabang pembangunan negeri, NS Corp di bawah usaha sama, dengan N9 Matrix bertin-

dak sebagai syarikat tujuan khas.

Matrix Concepts mempunyai 85 peratus pegangan dalam N9 Matrix melalui anak syarikat milik penuh, MCHB Development (NS) Sdn. Bhd., dengan baki 15 peratus kepentingan dipegang oleh NS Corp.

Berikutkan kelulusan pemegang saham, Kumpulan juga akan memberikan bantuan kewangan kepada N9 Matrix untuk membantu kos pembangunan masa depan ke atas tanah tersebut.

Menurut Matrix Concepts, kunci kira-kiranya pada 30 Jun 2023, mencerminkan kedudukan tunai bersih RM92 juta.

Pengerusi Matrix Concepts, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata, pihaknya teruja untuk memulakan kerjasama jangka panjang dengan Kerajaan Negeri Sembilan, memajukan pembangunan negeri

itu melalui inisiatif MVV2.0.

"Memanfaatkan kapakaran kami yang luas dalam pembangunan perbandaran dan perancangan mampan, kami komited untuk melanjutkan impak ekonomi positif kami di dalam negeri," katanya dalam kenyataan.

Kumpulan itu turut mencapai peningkatan 37.3 peratus tahun ke tahun dalam keuntungan bersih (PAT) kepada RM64.6 juta untuk suku pertama 2024, dan prestasi jualan harta tanah baharu yang sihat sebanyak RM305.3 juta, didorong permintaan kukuh untuk harta tanah kediaman premium mampu milik di Sendayan Developments.

Berdasarkan permintaan positif, Kumpulan menjangkakan sasaran jualan akan melebihi RM1.3 bilion untuk TK2024.